

Ucapan : ADHO

584

203/80

DERAF UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN,

MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, DI MAJLIS

MAKAN MALAM PERSEKUTUAN GURU-GURU

SELANGOR PADA 12.5.1973 JAM 7.50 MALAM

TUAN-PUAN PADA MALAM YANG BERSEJARAH INI.

- 2 -

SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK

TERIMA KASIH KEPADA PERSEKUTUAN GURU-GURU

MELAYU SELANGOR KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT

SAYA DAN JUGA ISTERI SAYA UNTUK HAZIR^D

BERSAMA DI MAJLIS MAKAN MALAM PADA MALAM INI.

INI ADALAH SATU KEHORMATAN KEPADA KAMI, DAN

KAMI SANGAT BERASA GEMBIRA LEBIH-LEBIH LAGI
APABILA DAPAT HAZIR^D BERSAMA TUAN-TUAN DAN

PUAN-PUAN PADA MALAM YANG BERSEJARAH INI.

PENTING TALAH PERSEKUTUAN GURU-GURU INI

TELAH BERJAYA BERPADUAN DAN MENYATUPADUKAN

GURU-GURU MELAYU NEGERI SELANGOR. ...2

SANGATLAH PENTING KERANA PERPADUAN, KERJASAMA

...3

2. SAYA TELAH DIFAHAMKAN BAHAWA *adalah diadakan*
MAJLIS PADA MALAM INI ~~TELAH SENGAJA DI-~~
~~RANCANGKAN~~ KERANA MERAYAKAN HARI ULANGTAHUN
KE 50 JUBLI EMAS PERSEKUTUAN GURU-GURU
MELAYU SELANGOR. DALAM TEMPOH 50 TAHUN
YANG LALU SAYA MENDAPAT TAHU BAHAWA PERSEKUTUAN
GURU-GURU MELAYU SELANGOR TELAH MENCAPAI
BANYAK KEJAYAAN. ANTARA KEJAYAANNYA YANG
PENTING IALAH PERSEKUTUAN GURU-GURU INI *telah*
berjaya mendirikan bangunannya sendiri. Ia juga
TELAH BERJAYA ~~MEMERAPATKAN DAN~~ MENYATUPADUKAN
GURU-GURU MELAYU NEGERI SELANGOR. INI
SANGATLAH PENTING KERANA PERPADUAN, KERJASAMA

adalah
DAN PERSEFAHAMAN ~~ANTARA GURU-GURU~~ ADALAH
MENJADI ASAS UNTUK MENCAPAI SATU-SATU
KEJAYAAN. SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI
TAHNIAH KEPADA PERSEKUTUAN GURU-GURU MELAYU
SELANGOR DI ATAS KEJAYAANNYA YANG CEMERLANG
YANG TELAH DICAPAI DALAM MASA 50 TAHUN YANG
LALU. SAYA PERCAYA BANYAK LAGI KEJAYAAN
YANG AKAN DIPEROLEHINYA PADA MASA AKAN
DATANG.

MEMPERCEPATKAN PERLAKSANAAN DASAR PE...4

3. SEKARANG SAYA SUKA MENARIK
PERHATIAN TUAN-TUAN KEPADA MASALAH PELAJARAN
YANG TELAH DIBANGKIT-BANGKITKAN OLEH PARTI-
PARTI PEMBANGKANG DI PARLIMEN BARU-BARU
INI. PARTI-PARTI PEMBANGKANG ~~PADA HEMAT~~
~~SAYA~~ TELAH MENJADIKAN KEGAGALAN MURID-
MURID DALAM BAHASA MALAYSIA DALAM PEPEREKSAAN
MCE 1972 SEBAGAI ISSUE POLITIK PERKAUMAN
MEREKA. MEREKA TELAH MENYALAHKAN SISTEM
PELAJARAN DAN PEPEREKSAAN NEGARA INI, TETAPI mereka
TIDAK PERNAH SEKALIPUN MEMINTA KERAJAAN
MEMPERCEPATKAN PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN

KEBANGSAAN YANG TELAH SAMA-SAMA KITA

TERIMA. INILAH SAHAJA MODAL POLITIK

YANG ADA PADA MEREKA. TETAPI SAYA TELAH

MENYATAKAN DI PARLIMEN DAN SAYA AKAN

MENYATAKAN SEKALI LAGI DI SINI BAHAWA

SAYA TIDAK AKAN MENGUBAH DASAR PELAJARAN

DAN DASAR PEPEREKSAAN YANG SEDANG BERJALAN

DI NEGARA INI PADA MASA INI.

...6

...7

4. BERPALING PULA KEPADA KEPUTUSAN

keputusan dalam

SPM 1972 KITA DAPATI MATAPELAJARAN SAINS DAN

sempatlah

ILMU HISAB ~~TELAH~~ MEROSOT, ~~SEKALI KEPUTUSANNYA.~~

INI TELAH MENYEBABKAN RAMAI CALUM-CALUN

SPM TELAH GAGAL DALAM PEPEREKSAAN ATAUPUN

MEREKA LULUS TETAPI TIDAK MENDAPAT MARKAH

YANG TINGGI DALAM MATAPELAJARAN-MATAPELAJARAN

INI. ~~BIARLAH SAYA NYATAKAN DI SINI BAHAWA~~

~~KEMENTERIAN PELAJARAN TIDAKLAH BERGEMBIRA~~

~~DENGAN KEMEROSOTAN DALAM PEPEREKSAAN SPM/MCE~~

~~1972~~ KEMENTERIAN SAYA MEMANDANG BERAT TERHADAP

KEADAAN YANG MENDUKACITAKAN INI. SAYA PERCAYA

TIDAK ADA SEORANG PUN YANG BERGEMBIRA DALAM
PERKARA INI MELAINKAN MEREKA-MEREKA YANG
TIDAK SIUMAN FIKIRANNYA. UNTUK MENGATASI
MASALAH INI SAYA SUDAH PUN MEMULAKAN PENYIASATAN
DI ATAS SEBAB-SEBAB KEMOROSOTAN PEPEREKSAAN
SPM/MCE 1972 YANG LALU. HASIL DARI PENYIASATAN
INI AKAN DIGUNAKAN UNTUK MEMPERBAIKI KEADAAN
YANG TIDAK MEMUASKAN INI.

5. ^{kita} DALAM MASA BERHADAPAN DENGAN
^A MASALAH SEPERTI INI KITA TIDAK PATUT
MENYALAHKAN ORANG LAIN SEMATA-MATA. KADANG-
KADANG KESALAHAN YANG BERLAKU MUNGKIN
BERPUNCA DARI KELEMAHAN YANG ADA PADA DIRI
KITA SENDIRI. SEMENTARA KEMENTERIAN PELAJARAN
BERUSAHA MENCARI PUNCA-PUNCA DAN MEMBUAT
CADANGAN-CADANGAN UNTUK MEMPERBAIKI KEGAGALAN
MURID-MURID DALAM PEPERIKSAAN SPM/MCE 1972
INI, GURU-GURU, IBUBAPA, MURID-MURID DAN
MASYARAKAT MELAYU KESELURUHANNYA HENDAKLAH
DAN MESTI MENCARI JALAN UNTUK MEMPERBAIKI

KEADAAN YANG MEROSOT INI. KITA TIDAKLAH
PATUT BERSIKAP BERPUAS HATI DAN MELETAKKAN
TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA ORANG LAIN. GURU-
GURU DAN IBUBAPA BOLEH DAN MESTILAH BEKERJA-
SAMA DALAM SEGALA LAPANGAN UNTUK MEMAJUKAN
ANAK-ANAK DALAM PELAJARAN MEREKA.

PENTING. KITA TIDAK BOLEH DAN JANGAN SEKALI

MEMANDANG RENGAN TERHADAP PERSATUAN IBUBAPA

DAN GURU-GURU INI.

MENDUNYAI AHLI-ANILINYA DARI PADA GURU-GURU

SEKOLAH DAN DI TEMPOR-TEMPOR BUAT SEKOLAH ROKET

...10

DEBILITASI DAN KEMUNDURAN, DENGAN ADANYA GURU-

...11

6. PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU-GURU

BOLEH MENJADI ALAT PERHUBUNGAN ANTARA SEKOLAH

DAN KEMENTERIAN PELAJARAN. IA JUGA BOLEH

MENJADI FORAM TEMPAT MEMBINCANG DAN ^{mencari jalan} MENYELESAIKAN

^A MASALAH PELAJARAN ANAK-ANAK KITA. ^F PENYERTAAN

YANG CERGAS OLEH IBUBAPA DAN GURU-GURU SANGATLAH

PENTING. KITA TIDAK BOLEH DAN JANGAN SEKALI

MEMANDANG RENGAN TERHADAP PERSATUAN IBUBAPA

DAN GURU-GURU INI. ^{Di tiap-tiap persatuan guru-guru} ~~PERSATUAN INI AKAN JUGA~~

^{telah turut menjadi terdiri ahlinya} ~~MEMPUNYAI AHLI-AHLINYA / DARIPADA GURU-GURU~~

~~SEKOLAH, DAN DI TIAP-TIAP BUAH SEKOLAH AKAN~~

~~DITUBUHKAN PERSATUAN INI.~~ DENGAN ADANYA GURU-

GURU DALAM PERSATUAN INI IBUBAPA AKAN MENJADI
LEBIH JELAS TENTANG PERJALANAN DAN MASALAH^A
SESEBUAH SEKOLAH, DAN INI AKAN MEMUDAHKAN
LAGI SEGALA USAHA UNTUK MENGATASI KELEMAHAN
MURID-MURID DALAM PELAJARAN DAN PENDIDIKAN
MEREKA.

7. SAYA PERCAYA PERSATUAN-PERSATUAN
GURU JUGA BOLEH MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING
BAGI MENINGGIKAN LAGI MUTU PELAJARAN DAN
PENDIDIKAN DI NEGARA INI. PERSEKUTUAN GURU-
GURU MELAYU SELANGOR TELAH BANYAK MENGHULURKAN
DERMA BAKTINYA KEPADA TABONG PENUBUHAN UNIVERSITI
KEBANGSAAN, JABATAN PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI
MALAYA DAN LAIN-LAIN TABONG DERMA KEBAJIKAN.
RAMAI JUGA ANTARA AHLI-AHLINYA TELAH MENDAPAT
BIMBINGAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE
UNIVERSITI HINGGA MENDAPAT KEJAYAAN YANG LEBIH
TINGGI. KEMENTERIAN PELAJARAN MASIH KEKURANGAN

GURU-GURU KELULUSAN UNIVERSITI TERUTAMA
SEKALI DALAM BIDANG SAINS DAN ILMU HISAB.
SAYA BERHARAP PERSEKUTUAN GURU-GURU SELANGOR
AKAN MELIPAT-GANDAKAN USAHANYA UNTUK MEMBERI
GALAKAN KEPADA AHLI-AHLINYA SUPAYA MENINGGIKAN
PELAJARAN DI YAYASAN-YAYASAN PELAJARAN TINGGI,
DAN SEMOLEK-MOLEKNYA GALAKKAN MEREKA
MENGIKUTI KURSUS PENGAJIAN DI BERBAGAI FAKULTI
DAN JABATAN DI UNIVERSITI DENGAN TUJUAN
KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENDAPAT GURU-GURU
SISWAZAH YANG BOLEH MENGAJAR BERBAGAI MATA-
PELAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH. KEMENTERIAN

PELAJARAN ~~SAYA~~ AKAN MENIMBANGKAN SEMULA
MATA-MATAPELAJARAN YANG MESTI DI AMBIL OLEH
PEMEGANG-PEMEGANG BIASISWA DI UNIVERSITI
SUPAYA DAPAT DISELARASKAN DENGAN KEHENDAK-
KEHENDAK NEGARA HARI INI. MASANYA TELAH
TIBA APABILA KITA TIDAK BOLEH LAGI BERPUAS
HATI DENGAN MENDAPAT APA JENIS IJAZAH PUN.
KITA TELAH MASUK KE ZAMAN PENGKHUSUSAN ATAU
SPECIALISATION, DAN SETENGAH-SETENGAH IJAZAH

~~di perantaraan oleh Negara~~
TIDAK LAGI MENDAPAT TEMPAT DENGAN MUDAH. ^{dapat}
menjamin pekerjaan seseorang dalam satu-
satu jabatan. IJAZAH SAINS POLITIK UMPAMANYA TIDAK DAPAT

~~di~~ Kementerian atau pun di bidang swasta.



SEKOLAH DI SEKOLAH-SEKOLAH DI...

formulir permohonan

8) Untuk...

... permohonan...

... permohonan...

... permohonan...

... permohonan...

... permohonan...

... permohonan...



No. Siri	547
No Penerimaan	192 / 80